



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

JPJ TINGKAT PENGUATKUASAAN, KESALAHAN KENDERAAN PERDAGANGAN TERUS DIBANTERAS

DENGKIL, 07 Januari 2026 – Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) terus komited melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh di seluruh Negara terhadap semua **kenderaan perdagangan** yang ingkar kepada peraturan dan undang-undang jalan raya menerusi **Operasi Lebih Muatan**.

Sepanjang tahun 2025, Jabatan ini telah memeriksa **1.2 juta kenderaan**. Daripada jumlah itu, **240,493 kenderaan** telah diambil tindakan, di mana **465 buah** daripadanya telah **disita mengikut Seksyen 80 Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010**. **Berbanding tahun 2024**, sebanyak **829,392 kenderaan** telah **diperiksa**, dengan peningkatan **35.5 peratus**, **126,974 kenderaan** diambil tindakan (peningkatan **47.2%**) manakala **69 kenderaan** disita (peningkatan **85.2%**).

Antara kesalahan tertinggi yang direkodkan adalah **gagal mematuhi Notis Arahan Pemeriksaan Berkala**, **tiada Lesen Vokasional**, **tidak menyelenggara tayar dengan baik**, dan **tiada Lesen Memandu Kompeten (CDL)**.

Fokus operasi ini adalah terhadap kenderaan yang **melanggar had muatan dibenarkan** di bawah **Akta Pengangkutan Jalan 1987** dan **peraturan-peraturan berkaitan**, penguatkuasaan teknikal serta pematuhan penggunaan **Sistem Had Laju (Speed Limitation Device, SLD)**, bertujuan memastikan kenderaan perdagangan beroperasi mengikut piawaian yang ditetapkan dan tidak membahayakan pengguna jalan raya.

Pelaksanaan operasi ini turut disokong dengan **Audit JISA (JPJ Inspection & Safety Audit)** bagi menilai tahap pematuhan keselamatan, integriti operasi serta pengurusan risiko dalam kalangan pengusaha dan pemandu kenderaan perdagangan.

JPJ menegaskan bahawa **tiada kompromi** terhadap sebarang pelanggaran undang-undang, dan tindakan penguatkuasaan di bawah Operasi Lebih Muatan akan terus diperkasa secara berterusan demi **keselamatan jalan raya, kesejahteraan orang awam dan kelestarian sistem pengangkutan negara**.

Orang ramai turut diseru agar menyalurkan aduan berkaitan kesalahan melibatkan kenderaan perdagangan secara terus atau masa nyata (real-time) melalui aplikasi **MyJPJ: e-Aduan@JPJ** atau e-mel ke **aduantrafik@jppj.gov.my** beserta butiran lengkap aduan bagi tindakan lanjut pihak jabatan.

**KETUA PENGARAH
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

7 JANUARI 2026

-TAMAT-